

BACA PETIKAN DI BAWAH DAN LENGKAPKAN TEMPAT KOSONG DENGAN KATA KERJA YANG BETUL

Pada hari Sabtu yang lepas, Sekolah Kebangsaan Ansip telah mengadakan satu aktiviti gotong royong perdana yang melibatkan semua warga sekolah.

Saya melihat ramai murid yang hadir ke sekolah termasuk rakan sekelas. Mereka _____ (berenang / berjalan) bersama-sama sambil _____ (melompat / ketawa) riang. Saya rasa tidak sabar untuk berjumpa dengan mereka.

Tepat pukul 7.30 pagi, kami semua diminta berkumpul di dalam dewan. Cikgu Marcus telah membahagikan tugas bergotong-royong mengikut kelas. Saya dan rakan sekelas yang lain diarahkan untuk membersihkan kawasan kantin.

Kami memulakan kerja tepat pukul 8.00 pagi. Saya dan rakan _____ (menyapu / menggunting) lantai sehingga bersih. Selepas itu kami diminta untuk _____ (memotong / mengecat) tali yang mengganggu jalan untuk menuju ke bilik sains.

Saya melihat semua guru dan murid bekerjasama dalam membersihkan kawasan sekolah. Ada dalam kalangan mereka yang _____ (bersolek / menyanyi) sambil membuat kerja.

Saya dan rakan-rakan tidak terburu-buru untuk menyiapkan kerja yang diberi. Ini kerana masa yang diberi masih panjang. Oleh itu kami sempat _____ (memotong / memanjat) pokok rambutan untuk mengambil buahnya dan makan bersama-sama. Kami _____ (membuang / melontar) kulit ke dalam tong sampah bagi memastikan kawasan sekolah tidak kotor.

ARAHAN : BINA AYAT MENGGUNAKAN KATA KERJA YANG DIBERI



Berlari



Berenang



Menyanyi



Menyapu
